



12 Mac 2013  
12 March 2013  
P.U. (A) 89

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN  
(POTONGAN BAGI PERBELANJAAN BERHUBUNG  
DENGAN FAEDAH DAN KOS SAMPINGAN DALAM  
MEMPEROLEH PINJAMAN BAGI PROJEK  
TERBENGKALAI) 2013

*INCOME TAX (DEDUCTION FOR EXPENSES IN RELATION  
TO INTEREST AND INCIDENTAL COST IN ACQUIRING  
LOAN FOR ABANDONED PROJECTS) RULES 2013*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PERBELANJAAN  
BERHUBUNG DENGAN FAEDAH DAN KOS SAMPINGAN DALAM MEMPEROLEH  
PINJAMAN BAGI PROJEK TERBENGKALAI) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Faedah dan Kos Sampingan dalam Memperoleh Pinjaman bagi Projek Terbengkalai) 2013**.

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2013 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

**Tafsiran**

2. (1) Dalam Kaedah-kaedah ini—

“bank atau institusi kewangan” ertinya—

(a) suatu bank atau syarikat kewangan yang dilesenkan atau disifatkan dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 [*Akta 372*];

(b) suatu bank yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983 [*Akta 276*];

(c) suatu institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*];

(d) suatu perniagaan insurans yang dilesenkan di bawah Akta Insurans 1996 [*Akta 553*]; atau

(e) suatu pengendali takaful yang dilesenkan di bawah Akta Takaful 1984 [Akta 312];

“orang yang layak” ertinya kontraktor atau pemaju penyelamat yang dilantik atau diluluskan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau pelikuidasi untuk menjalankan kerja pemulihan bagi projek terbengkalai;

“pelikuidasi” ertinya mana-mana pelikuidasi yang dilantik oleh mahkamah bagi maksud projek terbengkalai;

“pinjaman” ertinya pinjaman yang diberikan oleh bank atau institusi kewangan untuk membiayai projek terbengkalai;

“projek terbengkalai” ertinya suatu projek yang diperakui oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebagai projek terbengkalai menurut perenggan 11(1)(ca) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118].

### **Pemakaian**

3. (1) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi pinjaman yang diluluskan pada atau selepas 1 Januari 2013 tetapi tidak lewat dari 31 Disember 2015.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi perbelanjaan faedah yang dilakukan oleh orang yang layak bagi tempoh tiga tahun taksiran berturut-turut dari tahun taksiran yang pinjaman itu diluluskan.

### **Potongan**

4. (1) Tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini, bagi maksud menentukan pendapatan larian bagi orang yang layak yang bermastautin di Malaysia daripada perniagaannya bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan hendaklah dibenarkan bagi apa-apa belanja pasti dan perbelanjaan yang diperihalkan dalam subkaedah (2) yang—

(a) dilakukan oleh orang yang layak itu dalam tempoh asas berkenaan dengan perniagaannya;

(b) dilakukan terutamanya dan khususnya bagi maksud projek terbengkalai.

(2) Belanja pasti dan perbelanjaan yang disebut dalam subkaedah (1) adalah—

(a) perbelanjaan yang dilakukan dalam mendapatkan pinjaman bagi maksud projek terbengkalai;

(b) perbelanjaan yang berkaitan dengan faedah yang dilakukan ke atas pinjaman.

(3) Amaun potongan yang dibenarkan di bawah perenggan (2)(a) hendaklah bersamaan dengan dua kali amaun perbelanjaan yang dibenarkan di bawah perenggan itu.

(4) Amaun potongan yang dibenarkan di bawah perenggan (2)(b) hendaklah sebagai tambahan kepada apa-apa potongan di bawah seksyen 33 Akta.

(5) Apa-apa potongan yang disebut dalam subkaedah (3) dan (4) hendaklah hanya boleh dituntut dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran yang projek terbengkalai itu disediakan.

(6) Perbelanjaan pembangunan bagi projek terbengkalai hendaklah dipermodalkan dan dituntut dalam tahun taksiran projek itu disediakan.

(7) Bahagian perbelanjaan am dan pentadbiran yang disebabkan oleh projek terbengkalai hendaklah dikumpul dan dituntut dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran projek itu disediakan.

(8) Jadual 3 Akta hendaklah terpakai bagi semua aset yang digunakan bagi maksud projek terbengkalai.

(9) Elaun modal yang disebut dalam subkaedah (8) hendaklah dikumpul dan dituntut dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran projek terbengkalai itu disediakan.

(10) Jika projek terbengkalai itu disediakan, orang yang layak itu hendaklah menentukan keuntungan atau kerugian sebenar yang diperoleh daripada projek terbengkalai itu dengan menyediakan akaun akhir.

(11) Subseksyen 43(2) dan 44(2) Akta hendaklah terpakai dalam menentukan jumlah pendapatan orang yang layak itu.

(12) Jika projek terbengkalai itu telah disediakan, apa-apa elaun modal yang tidak diserap oleh orang yang layak itu di bawah subkaedah (9) tidak boleh diambil kira.

### **Penentuan pendapatan kasar**

5. (1) Dalam menentukan pendapatan kasar orang yang layak daripada perniagaannya berhubung dengan projek terbengkalai, setiap projek terbengkalai dan apa-apa projek yang dijalankan oleh orang yang layak itu hendaklah dianggap sebagai punca pendapatan yang berasingan dan berlainan bagi orang yang layak daripada perniagaan pembinaan dan pemajuan hartanahnya.

(2) Orang yang layak itu hendaklah menyenggara akaun berasingan bagi pendapatan yang diperoleh daripada projek terbengkalai.

(3) Bagi maksud kaedah-kaedah ini, pendapatan kasar bagi orang yang layak daripada projek terbengkalai yang disebut dalam subkaedah (1) adalah jumlah amaun yang terakru kepada orang yang layak itu oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan apabila projek terbengkalai itu disediakan.

**Tarikh permulaan projek terbengkalai**

6. Tarikh permulaan suatu projek terbengkalai adalah dari tarikh penganugerahan bagi projek terbengkalai oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau pelikuidasi.

**Tarikh siap projek terbengkalai**

7. Suatu projek terbengkalai hendaklah disifatkan telah disiapkan pada tarikh perakuan siap kerja atau Perakuan Siap dan Patuh, atau apa-apa perakuan yang mempunyai kesan yang serupa, dikeluarkan kepada orang yang layak itu oleh orang atau badan yang diberikan kuasa, dan diserahkan oleh orang yang layak kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau pelikuidasi.

**Ketidakkpakaian**

8. Peraturan-Peraturan Cukai Pendapatan (Kontrak Pembinaan) 2007 [P.U. (A) 276/2007] dan Peraturan-Peraturan Cukai Pendapatan (Pemajuan Harta) 2007 [P.U. (A) 277/2007] tidak terpakai bagi Kaedah-Kaedah ini.

Dibuat 27 Februari 2013

[Perb.CR(8.20)116/1-138(2013)]LD.2(SK.6);LHDN.01/35/(S)/42/51/Klt.19;  
PN(PU2)80/LXIX]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
*Menteri Kewangan Kedua*

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967]

## INCOME TAX ACT 1967

## INCOME TAX (DEDUCTION FOR EXPENSES IN RELATION TO INTEREST AND INCIDENTAL COST IN ACQUIRING LOAN FOR ABANDONED PROJECTS) RULES 2013

IN exercise of the powers conferred by paragraphs 154(1)(b) and 33(1)(d) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following rules:

**Citation and commencement**

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Deduction for Expenses in relation to Interest and Incidental Cost in Acquiring Loan for Abandoned Projects) Rules 2013**.

(2) These Rules have effect from the year of assessment 2013 and subsequent years of assessment.

**Interpretation**

2. In these Rules—

“bank or financial institution” means—

(a) a bank or finance company licensed or deemed to be licensed under the Banking and Financial Institutions Act 1989 [Act 372];

(b) a bank licensed under the Islamic Banking Act 1983 [Act 276];

(c) a development financial institution prescribed under the Development Financial Institutions Act 2002 [Act 618];

(d) an insurance business licensed under Insurance Act 1996 [Act 553]; or

(e) a takaful operator licensed under the Takaful Act 1984 [Act 312];

“qualifying person” means a rescuing contractor or developer who is appointed or approved by the Minister of Housing and Local Government or liquidator to carry on rehabilitation works for an abandoned project;

“liquidator” means any liquidator appointed by a court for the purpose of an abandoned project;

“loan” means a loan granted by a bank or a financial institution to finance an abandoned project;

“abandoned project” means a project which is certified by the Minister of Housing and Local Government as an abandoned project pursuant to paragraph 11(1)(ca) of the Housing Development (Control and Licensing) Act 1966 [Act 118].

### **Application**

3. (1) These Rules shall apply to a loan approved on or after 1 January 2013 but not later than 31 December 2015.

(2) These Rules shall apply to interest expenses incurred by a qualifying person for a period of three consecutive years of assessment from the year of assessment in which the loan is approved.

### **Deduction**

4. (1) Subject to these Rules, for the purpose of ascertaining an adjusted income of a qualifying person resident in Malaysia from its business for a basis period for a year of assessment, a deduction shall be allowed for any outgoings and expenses as described in subrule (2) which are—

(a) incurred by that qualifying person during that basis period in respect of his business;

(b) incurred primarily or principally for the purpose of the abandoned project.

(2) The outgoings and expenses referred to in subrule (1) are—

(a) expenses incurred in the course of acquiring loan for the purposed of the abandoned project.

(b) expenses in respect of interest incurred on the loan.

(3) The amount of deduction allowed under paragraph (2)(a) shall be equivalent to twice the amount of expenses allowed under that paragraph.

(4) The amount of deduction allowed under paragraph (2)(b) shall be in addition to any deduction under section 33 of the Act.

(5) Any deduction referred to in subrules (3) and (4) shall only be claimed in the basis period for a year of assessment in which the abandoned project is completed.

(6) The development expenditure for the abandoned project shall be capitalized and claimed in the year of assessment the project is completed.

(7) The portion of general and administrative expenses attributable to the abandoned project shall be accumulated and claimed in the basis period for a year of assessment the project is completed.

(8) Schedule 3 to the Act shall apply to all assets used for the purpose of the abandoned project.

(9) The capital allowance referred to in subrule (8) shall be accumulated and claimed in the basis period for a year of assessment the abandoned project is completed.

(10) When the abandoned project is completed, the qualifying person shall ascertain the actual profit or loss derived from the abandoned project by preparing the final account.

(11) Subsections 43(2) and 44(2) of the Act shall apply in determining the total income of the qualifying person.

(12) Where the abandoned project is completed, any unabsorbed capital allowance of the qualifying person under subrule (9) shall be disregarded.

### **Determination of gross income**

5. (1) In ascertaining the gross income of qualifying person from the business of his in relation to the abandoned project, each of the abandoned project and any other project carried on by the qualifying person shall be treated as a separate and distinct source of income of the qualifying person from his construction or property development business.

(2) The qualifying person shall maintain a separate account for the income derived from the abandoned project.

(3) For the purpose of this rule, the gross income of a qualifying person from the abandoned project referred to in subrule (1) shall be the total amount accrued to the qualifying person by the Ministry of Housing and Local Government upon completion of the abandoned project.

### **Date of commencement of abandoned project**

6. The date of commencement of an abandoned project shall be from the date of award of the abandoned project by the Ministry of Housing and Local Government or a liquidator.

### **Date of completion of abandoned project**

7. An abandoned project shall be deemed to have been completed on a date on which the certificate of practical completion or Certificate of Completion and

Compliance, or any other certification which has a similar effect, is issued to the qualifying person by an authorised person or body, and surrendered by the qualifying person to the Ministry of Housing and Local Government or a liquidator.

**Non-application**

8. The Income Tax (Construction Contracts) Regulations 2007 [*P.U. (A) 276/2007*] and the Income Tax (Property Development) Regulations 2007 [*P.U. (A) 277/2007*] shall not apply to these Rules.

Made 27 February 2013

[Perb.CR(8.20)116/1-138(2013)JLD.2(SK.6);LHDN.01/35/(S)/42/51/Klt.19;  
PN(PU2)80/LXIX]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
*Second Minister of Finance*

*[To be laid before Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]*